

19/12/2000

Dr Mahathir nafi akan rombak Kabinet

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan sebarang rombakan Kabinet dalam tempoh terdekat ini.

Perdana Menteri berkata, apa yang akan berlaku ialah kemungkinan perubahan dalam pentadbiran Kerajaan Pusat membabitkan pengisian jawatan Setiausaha Parlimen dengan memasukkan muka baru.

"Rombakan (Kabinet) tak ada. Tak ada rombak. Yang mungkin ada ialah memasukkan orang baru...itu boleh jadi. Ya..lah, kita lantik setiausaha parlimen ke, itu ada," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama ketua-ketua perwakilan asing beragama Islam serta pegawai kanan Kementerian Luar di sini, petang ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan Utusan Malaysia hari ini yang memetik sumber sebagai berkata, rombakan Kabinet kemungkinan diumumkan dalam tempoh terdekat, selewat-lewatnya minggu ini yang dikatakan membabitkan lebih 50 peratus pertukaran portfolio menteri.

Antaranya ialah mewujudkan semula Menteri Undang-undang merangkap Peguam Negara dan pelantikan Setiausaha Kerja Umno, Senator Tengku Datuk Adnan Mansor sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai spekulasi pelantikan Tengku Adnan yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara baru-baru sebagai anggota Kabinet.

"Dia (Utusan) ingat jadi senator tentulah masuk Kabinet dan kita akan rombak Kabinet," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau belum tahu bila akan membuat pelantikan bagi beberapa jawatan Setiausaha Parlimen yang kosong termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Dr Mahathir juga belum memikirkan sama ada untuk mewujudkan kementerian baru atau menghidupkan semula kementerian lama seperti Kementerian Wilayah Persekutuan.

Ditanya sama ada keadaan sekarang memerlukan rombakan Kabinet, beliau berkata meskipun bebanan serta tekanan kerja semakin meningkat, tindakan itu tidak semestinya dilakukan.

Beliau turut menafikan khabar angin bahawa beberapa menteri Kabinet sudah menyatakan hasrat untuk melepaskan jawatan masing-masing.

Katanya, soal perubahan besar atau kecil dalam pentadbiran atau Kabinet itu adalah perkara relatif kerana ia bergantung kepada keadaan.

"Saya tak ada rancangan apa nak tukar (menteri). Bagi saya, (semua Menteri Kabinet) bagus-bagus belaka. Saya pun tak terfikir nak tambah (menteri)... banyak dah. Kerajaan kita besar, 24 orang (menteri).. kerusi dah cukup dalam Kabinet," katanya.

(END)